



MPC(CRO) 700-4/3/3(2020)

14 Januari 2021

YBhg. Dato' Zamzuri Abdul Aziz
Setiausaha,
Bahagian Perolehan Kerajaan,
Kementerian Kewangan Malaysia (MOF),
Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran,
62668 Putrajaya.

YBhg. Dato'.

MAKLUMAN PERTUKARAN TARIKH PELAKSANAAN PROGRAM *BUSINESS TOWARDS INDUSTRY 4.0* DI BAWAH PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI VENDOR BUMIPUTERA (PPKV)

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada surat tuan MOF.BPK(S)600-15/8/35 (9) bertarikh 16 Oktober 2020 di mana Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah meluluskan permohonan EGPA MPC untuk melantik tiga (3) pembekal iaitu syarikat *Sustainable Industrial Revolution & Innovation (SIRI)*, syarikat *Powernode Solution (PS)* dan syarikat *LPS Learning Platform (LLP)* secara rundingan terus bagi pelaksanaan program *Business Towards Industry 4.0* di bawah Program Pembangunan Kapasiti Vendor Bumiputera (PPKV) bagi tempoh tiga (3) bulan.

2. Untuk tujuan pelaksanaan program tersebut, MPC telah mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada SIRI dan PS pada 17 November 2020. SST kepada LLP tidak dikeluarkan kerana LLP baharu memperbaharui Sijil Pendaftaran MOF dan telah menerima sijil baharu pada 4 Disember 2020. Ini bagi mematuhi syarat yang ditetapkan oleh MOF seperti Perkara 3(g) di dalam surat kelulusan EGPA.

3. Bagi pelaksanaan program ini, MPC telah menetapkan tempoh pelaksanaan kepada pembekal yang dilantik adalah bermula daripada tarikh SST dikeluarkan dan perlu tamat pada 31 Disember 2020. Pelaksanaan program telah diteruskan oleh SIRI dan PS selepas menerima SST daripada MPC. Syarikat PS telah selesai melaksanakan

aktiviti bagi program pembangunan kapasiti pada 23 Disember 2020 manakala untuk SIRI, program masih dalam pelaksanaan dan program sedikit tergendala disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat pada November dan Disember 2020 dan disambung semula pada Januari 2021 dan dijangka tamat pada Mac 2021.

4. Untuk pembekal LLP, SST dikeluarkan pada 13 Januari 2021 dan tarikh baharu pelaksanaan program adalah bermula daripada tarikh SST dikeluarkan dan akan tamat pada April 2021 (3 Bulan). Pelaksanaan program ini juga tertakluk kepada perubahan yang berlaku sekiranya terdapat arahan terkini daripada kerajaan Malaysia berkenaan pandemik COVID-19. Perancangan terkini program adalah seperti di Lampiran 1.

5. Justeru itu, MPC memohon kelulusan MOF untuk memperbaharui tarikh pelaksanaan program bagi pembekal SIRI dan LLP bermula Januari 2021 sehingga April 2021 tanpa sebarang pertambahan kos program. Ini bagi memastikan pembekal dapat menyiapkan program seperti yang telah ditetapkan dan memberikan impak yang positif kepada peningkatan produktiviti syarikat peserta di dalam program PPKV ini. Pertimbangan dan kelulusan daripada MOF saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian,

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ABDUL LATIF BIN HAJI ABU SEMAN)

Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

LAMPIRAN 1

JADUAL PERANCANGAN PELAKSANAAN PROGRAM *BUSINESS TOWARDS INDUSTRY 4.0* PPKV

Bil	Aktiviti/Modul	Pembekal	T	2020		2021				STATUS
			B	11	12	1	2	3	4	
1	Pembangunan Kapasiti Industri 4.0 (Asas)	Powernode Solution	R							Selesai
			S							
2	Intervensi Industri 4.0	LPS Learning Platform	R							Tarikh baharu pelaksanaan adalah mengikut tarikh SST dikeluarkan kepada LLP
			S							
3	Penilaian Kesediaan Industri 4.0 (Pre & Pasca)	SIRI	R							Pre-Penilaian telah dibuat pada Disember 2020. Tarikh baharu untuk Post Penilaian pada Mac/Apr 2021
			S							

* Perancangan dan pelaksanaan sebenar tertakluk kepada arahan semasa oleh Kerajaan Malaysia berikutan PKP/B Pandemik COVID-19.

Petunjuk

	Perancangan Asal
	Pelaksanaan Selesai
	Perancangan Baharu